

Kepada Pelanggan Yang Dihormati,

Jika anda sedang membaca ruangan ini, berkemungkinan besar anda ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai bantuan kewangan atau moratorium yang ditawarkan oleh Maybank/ Maybank Islamic selaras dengan pengumuman Bank Negara Malaysia (BNM).

Sila rujuk soalan lazim di bawah yang bertujuan untuk memberi pemahaman mengenai pilihan-pilihan anda yang tersedia, serta langkah-langkah yang perlu anda lakukan.

Sila hubungi kami di:

- Talian Perhubungan Pelanggan: 1300 88 6688, tekan '*1' untuk moratorium
- Emel: mgcc@maybank.com.my

Jaga kesihatan dan keselamatan diri anda, dan serahkan kepada Maybank untuk meringankan beban kewangan anda dalam tempoh yang mencabar ini.

SOALAN LAZIM MENGENAI BANTUAN PELEPASAN KAD KREDIT **(DIKEMAS KINI PADA 10 APRIL 2020)**

No	Soalan	Jawapan
Soalan Umum Mengenai Moratorium dan Bantuan Pelepasan Kad Kredit		
1	Apakah maksud 'moratorium'?	Di dalam konteks ini, Moratorium bermaksud 'penangguhan'. Oleh itu, peminjam/ pelanggan individu boleh menangguhkan pembayaran balik pinjaman/ pembiayaan mereka ke satu tarikh lain.
2	Apakah yang dimaksudkan dengan pengumuman BNM berkenaan moratorium kepada peminjam/ pembiaya?	Moratorium 6 bulan secara automatik akan dibenarkan untuk pinjaman/ pembiayaan dalam denominasi Ringgit Malaysia bagi pelanggan Konvensional dan Islamik Individu dan PKS (kecuali Kad Kredit/ Kad Kredit Ikhwan, Kad Caj dan Kad Korporat), yang tidak mempunyai baki tunggakan lebih daripada 90 hari setakat 1 April 2020. Semasa tempoh ini, pembayaran balik untuk pinjaman/ pembiayaan yang layak akan ditangguhkan selama 6 bulan sehingga 1 Oktober 2020.
3	Sedangkan moratorium tidak merangkumi Kad Kredit/ Kad Kredit Ikhwan dan Kad Korporat, apakah yang boleh saya lakukan untuk pelepasan ke atas baki belum jelas saya?	Ahli-ahli Kad yang mengalami kesempitan kewangan sementara akibat daripada wabak COVID-19 boleh menukar baki belum jelas Kad Kredit/ Kad Kredit Ikhwan dan Kad Korporat* mereka kepada satu Program Ansuran untuk menangani masalah kewangan yang dihadapi oleh Ahli Kad Individu dan Korporat dalam tempoh yang mencabar ini.

Soalan lazim ini tertakluk pada perubahan dari pihak bank. Jika terdapat sebarang maklumat terkini, kami akan memuat naik kemas kini melalui Maybank2u.

		Nota: *Hanya tertakluk untuk Kad Korporat Visa, American Express Gold Business & American Express Platinum Business.
4	Apakah yang dimaksudkan dengan Program Ansuran?	Program Ansuran ini membolehkan Ahli-ahli Kad untuk menukarkan baki belum jelas kepada ansuran sehingga 36 bulan (3 tahun) dengan kadar faedah efektif sehingga 13% setahun.
5	Bilakah Program Ansuran ini akan dijalankan?	Program Ansuran ini akan dijalankan dari 1 April 2020 hingga 31 Disember 2020 .
6	Adakah rekod CCRIS saya akan terjejas jika saya memilih untuk menukarkan baki belum jelas Kad Kredit/ Kad Kredit Ikhwan atau Kad Korporat individu saya di bawah Program Ansuran ini?	Rekod CCRIS anda tidak akan terjejas jika akaun Kad Kredit/ Kad Kredit Ikhwan atau Kad Korporat individu anda tiada tunggakan semasa penukaran dilakukan. Akan tetapi, jika akaun Kad Kredit/ Kad Kredit Ikhwan atau Kad Korporat individu anda mempunyai tunggakan, ia akan terus dicatatkan dalam rekod CCRIS anda.
7	Bagaimanakah penukaran baki ini memberi impak terhadap kelayakan saya untuk memohon pinjaman/ pembiayaan atau Kad Kredit/ Kad Kredit Ikhwan baharu di masa hadapan?	Tidak akan ada sebarang impak. Anda boleh memohon pinjaman/ pembiayaan atau Kad Kredit/ Kad Kredit Ikhwan baharu. Permohonan adalah tertakluk pada penilaian kredit daripada pihak bank.

Kelayakan untuk Program Ansuran

8	Adakah saya layak?	Anda layak untuk memohon Program Ansuran ini sekiranya akaun Kad Kredit/ Kad Kredit Ikhwan atau Kad Korporat individu anda tiada tunggakan melebihi 90 hari setakat 1 April 2020.
9	Bolehkah Ahli-ahli Kad Tambahan memohon untuk program ini?	Tidak boleh kerana hanya Ahli-ahli Kad Utama sahaja yang boleh memohon untuk program ini tetapi penukaran juga termasuk baki akaun Kad Tambahan (jika ada).
10	Saya bukan warganegara Malaysia, adakah saya layak?	Ya, sila rujuk jawapan bagi soalan nombor 8.

Soalan lazim ini tertakluk pada perubahan dari pihak bank. Jika terdapat sebarang maklumat terkini, kami akan memuat naik kemas kini melalui Maybank2u.

11	<p>Bilakah penukaran baki secara automatik akan berkuatkuasa?</p>	<p>Penukaran baki belum jelas secara automatik kepada Program Ansuran akan <u>berkuatkuasa pada tarikh kitaran penyata</u>. Ansuran bulan pertama akan diposkan satu hari selepas tarikh kitaran penyata. Contohnya, tarikh kitaran penyata adalah pada 3 April, ansuran bulan pertama akan diposkan pada 4 April. Anda boleh semak di Maybank2u pada 5 April.</p> <p>Untuk permintaan 'Pilih Masuk', ia akan <u>berkuatkuasa selepas permohonan diterima</u>. Jika permohonan anda diterima selepas tarikh kitaran penyata anda, penukaran baki belum jelas hanya akan berkuatkuasa pada tarikh kitaran penyata yang seterusnya.</p>
12	<p>Adakah penukaran baki belum jelas Kad Kredit/ Kad Kredit Ikhwan atau Kad Korporat individu kepada Program Ansuran tertakluk pada sebarang amaun minimum?</p>	<p>Ya, amaun minimum sebanyak RM500 bagi kelayakan Program Ansuran sehingga 36 bulan (3 tahun).</p>

Permohonan untuk Program Ansuran		
13	<p>Perluakah saya memohon untuk Program Ansuran ini?</p>	<p>Ya. Anda perlu membuat permohonan.</p> <p><u>Untuk Kad Kredit/ Kad Kredit Ikhwan Individu</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Sila <u>klik di sini</u> dan isikan borang Bantuan Pelepasan Kad Kredit sebelum 31 Disember 2020. • Sila nyatakan kad yang anda ingin buat penukaran baki ke ansuran. <p>Jika anda tidak mempunyai akaun Maybank2u, sila <u>klik di sini</u> untuk maklumat mengenai cara mendaftar melalui dalam talian.</p> <p><u>Untuk Kad Korporat</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Sila hantar permohonan anda untuk Bantuan Pelepasan Kad Kredit melalui emel ke colln@maybank.com.my sebelum 31 Disember 2020. • Sila nyatakan kad yang anda ingin buat penukaran baki ke ansuran. <p>Akan tetapi, jika anda tidak memenuhi bayaran minimum bulanan selama 3 bulan berturut-turut, pihak</p>

Soalan lazim ini tertakluk pada perubahan dari pihak bank. Jika terdapat sebarang maklumat terkini, kami akan memuat naik kemas kini melalui Maybank2u.

		bank akan menukarkan baki belum jelas Kad Kredit/ Kad Kredit Ikhwan dan Kad Korporat anda secara automatik ke satu Program Ansuran yang tidak melebihi 3 tahun dengan kadar faedah efektif yang tidak lebih daripada 13% setahun.
14	Jika saya tidak ingin turut serta dalam Program Ansuran ini, apakah yang perlu saya lakukan?	Anda boleh meneruskan pembayaran baki Kad Kredit/ Kad Kredit Ikhwan dan Kad Korporat anda seperti biasa. Anda tidak perlu melakukan apa-apa.
15	Saya mempunyai beberapa Kad Kredit/ Kad Kredit Ikhwan atau Kad Korporat dan <u>tidak berhasrat</u> untuk turut serta dalam Program Ansuran untuk kesemuanya. Apakah yang perlu saya lakukan?	Sila rujuk jawapan bagi soalan nombor 13 di atas; ATAU Untuk Kad Kredit/ Kad Kredit Ikhwan dan Kad Korporat yang anda tidak berhasrat untuk turut serta, sila teruskan pembayaran baki Kad Kredit/ Kad Kredit Ikhwan dan Kad Korporat anda seperti biasa.
16	Saya mempunyai 2 Kad Kredit. Bolehkah saya tukar baki belum jelas untuk kedua-dua Kad Kredit dalam satu Program Ansuran yang sama?	Penukaran kepada Program Ansuran dilakukan secara berasingan untuk setiap kad.
17	Bolehkah saya pilih untuk batal semasa tempoh Program Ansuran? Adakah fi pembatalan akan dikenakan?	Ya, anda boleh membatalkan Program Ansuran pada bila-bila masa dan fi pembatalan tidak akan dikenakan. Baki belum jelas yang selebihnya akan dicaj sepenuhnya dan anda boleh membuat bayaran penuh atau minimum berdasarkan penyata bulanan anda.
18	Selepas saya menghantar permohonan untuk Program Ansuran, bolehkah saya memohon untuk mengubah tempoh yang telahpun dipilih?	Sebarang perubahan adalah tidak dibenarkan.
19	Jika permohonan saya untuk Program Ansuran tidak diluluskan, bolehkah saya memohon untuk pakej penangguhan di bawah moratorium?	Tidak boleh kerana penangguhan pembayaran selama 6 bulan yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia tidak tertakluk pada baki belum jelas Kad Kredit/ Kad Kredit Ikhwan dan Kad Korporat.

Soalan lazim ini tertakluk pada perubahan dari pihak bank. Jika terdapat sebarang maklumat terkini, kami akan memuat naik kemas kini melalui Maybank2u.

Berkaitan dengan Pembayaran		
20	Selepas penukaran automatik kali pertama, jika saya masih tidak memenuhi pembayaran/ bayaran minimum, adakah pihak bank akan menukarkan baki belum jelas kepada Program Ansuran?	Tidak. Penukaran automatik kepada Program Ansuran hanya akan dibuat sekali sahaja dalam tempoh dari 1 April 2020 hingga 31 Disember 2020.
Lain-lain		
21	Adakah saya akan diberi pilihan/ fleksibiliti untuk memilih tempoh Program Ansuran?	Ya, terdapat empat tempoh ansuran - 6, 12, 24 dan 36 bulan - yang anda boleh pilih. Nota: Pilihan di atas <u>tidak</u> tertakluk untuk <u>penukaran automatik</u> bagi baki belum jelas Kad Kredit/ Kad Kredit Ikhwan dan Kad Korporat, di mana penukaran hanya untuk ansuran selama 36 bulan sahaja.
22	Setelah baki belum jelas Kad Kredit saya ditukar kepada Program Ansuran, adakah saya masih boleh menggunakan Kad Kredit saya?	Ya, anda boleh terus menggunakan Kad Kredit tersebut sehingga had kredit yang masih ada selepas penolakan baki yang ditukar kepada ansuran. Baki belum jelas yang ditukar kepada Program Ansuran adalah dikira sebagai sebahagian daripada had kredit. Tambahan lagi, ansuran bulanan akan menjadi sebahagian daripada pembayaran/ bayaran minimum bulanan Kad Kredit tersebut. Nota: Tidak tertakluk untuk Ahli-ahli Kad dalam kategori penukaran baki Kad Kredit secara automatik.
23	Jika saya memohon untuk Program Ansuran, adakah baki belum jelas saya di bawah pelan ansuran sedia ada (EzyCash, EzyPay, EzyPay Plus, CashTreats atau Pindahan Baki), termasuk dalam Program Ansuran baharu ini?	Pihak Bank hanya akan menukar baki belum jelas yang tertera dalam tarikh kitaran penyata Kad Kredit anda, tidak termasuk baki pelan ansuran yang belum dibilkan dalam tarikh kitaran penyata. Contoh:

Soalan lazim ini tertakluk pada perubahan dari pihak bank. Jika terdapat sebarang maklumat terkini, kami akan memuat naik kemas kini melalui Maybank2u.

		<p>Tarikh Kitaran Penyata: 6 hari bulan pada setiap bulan</p> <p>Baki Belum Jelas untuk Pelan Ansuran EzyPay setakat bulan Mei 2020: RM400</p> <hr/> <p>Permohonan Program Ansuran dibuat pada 1 Mei 2020.</p> <p>Penukaran hanya akan mengambil kira RM100 seperti yang tertera dalam kitaran penyata 6 Mei 2020.</p> <p>Bayaran bulanan untuk pelan ansuran sedia ada</p> <p>Baki RM300 (Jun – Ogos) tidak akan ditukar</p>
24	Adakah sebarang notifikasi akan dihantar kepada saya?	<p>Setelah permohonan anda diterima, satu perakuan penerimaan akan dihantar melalui emel dalam masa 48 jam.</p> <p>Apabila penukaran baki belum jelas anda kepada Program Ansuran berkuat kuasa, kami akan menghantar email atau mengeposkan surat kepada anda untuk menerangkan butiran penukaran ini.</p>

Soalan lazim ini tertakluk pada perubahan dari pihak bank. Jika terdapat sebarang maklumat terkini, kami akan memuat naik kemas kini melalui Maybank2u.